Woo Mun Wah lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO MT(4)–41–11 TAHUN 2009
KAMARDIN HASHIM PK
12 NOVEMBER 2009

Prosedur Jenayah — Perbicaraan — Pembelaan — Fakta pembelaan tidak dikemukakan kepada saksi pendakwaan — Sama ada pembelaan hanya satu pemikiran kemudian

Prosedur Jenayah — Pertuduhan — Pindaan pertuduhan — Mahkamah meminda pertuduhan di bawah s 5(1)(b) Akta Penapisan Filem 2002 kepada pertuduhan di bawah s 18(4)(a) Akta — Sama ada pindaan pertuduhan betul — Kanun Prosedur Jenayah s 158

Undang-Undang Jenayah — Akta Penapisan Filem 2002 — s 18(4)(a) — Kesalahan menjual filem dalam bentuk VCD dan DVD tanpa sijil perakuan B — Elemen-elemen kesalahan — Perayu menafikan pemilikan VCD dan DVD — Sama ada kelakuan perayu menunjukkan pengetahuan mengenai kesalahan — Sama ada kes pendakwaan dibuktikan

Perayu telah dihadapkan dengan pertuduhan di bawah s 6(1)(b) Akta Penapisan Filem 2002 ('Akta tersebut') atas alasan perayu telah didapati mempamerkan sebanyak 152 filem dalam bentuk VCD dan 69 DVD pelbagai tajuk di atas meja pameran, yang mana belum diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem. Perayu mengaku tidak bersalah. Perayu menyatakan bahawa pada malam tangkapan itu, beliau telah pergi ke 7-Eleven untuk membeli suratkhabar dan beliau telah duduk di hadapan kedai itu sambil membaca suratkhabar apabila dia ditahan atas alasan menjual VCD dan DVD haram. Perayu menafikan semua barang kes tersebut milik beliau. Puan Majistret telah memutuskan bahawa pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie atas pertuduhan asal, dan sebaliknya telah berjaya membuktikan kes prima facie atas satu kesalahan di bawah s 18(4)(a) Akta tersebut. Puan Majistret seterusnya telah mengemukakan pertuduhan pindaan bahawa perayu didapati menjual sebanyak 152 filem dalam bentuk VCD dan 69 DVD pelbagai tajuk di atas meja pameran yang tiada sijil perakuan B di bawah s 18(2) Akta tersebut. Tertuduh telah didapati bersalah dan atas sabitan dikenakan hukuman denda RM8,000 jika tidak bayar lapan bulan penjara bagi

pertuduhan pindaan tersebut. Tertuduh telah merayu terhadap sabitan dan hukuman bagi pertuduhan pindaan.

Diputuskan, menolak rayuan tertuduh:

(1) Satu kes prima facie telah dibuktikan bagi kesalahan di bawah s 18(4)(a) Akta tersebut. Pemindaan pertuduhan asal kepada pertuduhan di bawah s 18(4)(a) Akta tersebut adalah satu keputusan yang betul. Tindakan tersebut adalah selaras dengan peruntukan di bawah s 158 Kanun Prosedur Jenayah. Tiga elemen utama pertuduhan pindaan tersebut telah terbukti iaitu barang kes telah dipamerkan di kaunter untuk dijual kepada orang ramai, kesemua barang kes tersebut mengandungi filem setelah diuji tayang dan kesemua barang kes itu tidak mempunyai sijil perakuan B (lihat perenggan 11).

(2) Hujahan perayu bahawa elemen menjual tidak dibuktikan adalah tidak benar. Perayu telah didapati berada seorang diri di belakang kaunter di mana VCD dan DVD tersebut telah disusun. Mahkamah boleh menggunakan pendekatan lojik akal (common sense approach) dan membuat inferens daripada keadaan sesuatu kes. Dalam keadaan fakta kes ini, inferens yang boleh dibuat adalah bahawa barang kes tersebut disusun dan dipamerkan oleh perayu di situ untuk tujuan dijual walaupun tiada keterangan bahawa transaksi jualan sebenar telah berlaku. Mempamerkan barangan di tempat awam sudah mencukupi untuk membuktikan satu kesalahan di bawah s 18(4)(a) Akta tersebut. Tambahan lagi, tindakan perayu yang merayu dan meminta supaya SP2 tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap beliau membawa kepada inferens mengenai pengetahuan salah perayu serta nexus beliau dengan barang kes yang dirampas (lihat perenggan 12).

(3) Pembelaan perayu hanya merupakan penafian kosong. Penafian kosong bukanlah boleh menjadi satu pembelaan yang lengkap. Selain dari itu, fakta perayu sedang membaca suratkhabar tidak pernah diletakkan kepada mana-mana saksi pendakwaan. Ini satu pemikiran terkemudian dan rekaan perayu sahaja. Pembelaan perayu tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan (lihat perenggan 15).

(4) Sabitan terhadap perayu atas pertuduhan pindaan adalah betul dan tidak wajar diganggu. Hukuman yang dijatuhkan oleh Puan Majistret adalah tidak eksesif (lihat perenggan 15–16).

[English summary

The appellant was charged under s 6(1)(b) of the Film Censorship Act 2002 ('the Act') on the ground that he was found to have displayed 152 films in the form of VCDs and 69 DVDs in various titles on the display table, which had

not been approved by the Film Censorship Board. The appellant pleaded not guilty. He submitted that on the night of arrest, he had gone to 7-Eleven to buy newspaper and that he was sitting in front of the shop reading the newspaper when he was arrested on the grounds that he was selling illegal VCDs and DVDs. The magistrate held that the prosecution had failed to prove a prima facie case upon the original charge, and instead had succeeded in proving a prima facie case of an offence under s 18(4)(a) of the Act. The magistrate further adduced an amended charge that the appellant was found to sell 152 films in the form of VCDs and 69 DVD on various titles on the display table without certificate B under s 18(2) of the Act. The accused was found guilty and on conviction was sentenced to a fine of RM8,000 in default eight months imprisonment for the said amended charge. The accused appealed against the conviction and sentence of the amended charge.

Held, dismissing the appeal:

(1) A prima facie case had been established for an offence under s 18(4)(a) of the Act. The amendment to the original charge to one under s 18(4)(a) of the Act was a correct decision. The act was in accordance with the provision of s 158 of the Criminal Procedure Code. The three main elements of the said amended charge had been established ie the case exhibits were on display at the counter for purposes of sale to public, all the case exhibits contained the film after being test screened and all the case exhibits did not have certificate B (see para 11).

(2) The appellant's submission that the selling element had not been proved was not true. The appellant was found to be alone behind the counter where the VCDs and the DVDs were arranged. The court could apply the common sense approach to make an inference from the circumstances of a case. On the circumstances of this case, the inference made was that the said case exhibits were arranged and displayed by the appellant there for the purpose of selling even though there was no evidence that the actual selling transaction had occurred. Displaying of goods at a public place was sufficient to establish an offence under s 18(4)(a) of the Act. Further, the appellant's action of pleading and asking that SP2 not to take any action against him established an inference of knowledge of guilt of the appellant and the nexus between him and the case exhibits seized (see para 12).

(3) The appellant's defence was merely a bare denial. A bare denial could not be a complete denial. Apart from that, the fact that the appellant was reading the newspaper was not put forth to any of the prosecution's witness. This was merely an afterthought and fabrication by the appellant. The appellant's defence did not raise any reasonable doubt against the prosecution's case (see para 15).

(4) The conviction against the appellant on the amended charge was proper and should not be disturbed. The sentence imposed by the magistrate was not excessive (see para 15–16).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai Akta Penapisan Filem 2002 secara am, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1–2869.
Untuk kes-kes mengenai pembelaan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 4729–4735.
Untuk kes-kes mengenai pindaan pertuduhan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 1060–1065.

Kes-kes yang dirujuk

Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ 311 (Rep), MA (dirujuk)
Mohamed Yatin bin Abu Bakar v PP [1950] MLJ 57, MT (dirujuk)
PP v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor [2002] 3 MLJ 401; [2002] 8 CLJ 814, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya v Lukman bin Aswah [2009] MLJU 145; [2009] 8 CLJ 267, MT (dirujuk)
Surentheran a/l Selvaraja v PP [2006] 1 MLJ 641; [2005] 2 CLJ 264, MR (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B
Akta Penapisan Filem 2002 ss 3, 18, 18(2), (4)(a), (5)
Kanun Prosedur Jenayah s 158

Lim Chon Sin (CS Lim & Associates) bagi pihak perayu.
Ian Shang Kuan Chou Chuen (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.

Kamardin Hashim PK:

[1] Tertuduh dalam kes ini pada asalnya dihadapkan dengan dua pertuduhan di bawah Akta Penapisan Filem 2002 di Mahkamah Majistret Johor Bahru. Pertuduhan-pertuduhan terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu pada 28/12/2006 jam lebih kurang 9.15 malam di Kaunter Jualan VCD depan 7 Eleven, No. 48, Jalan Sagu 48, Taman

Daya, Johor Bahru, dalam Negeri Johor didapati memiliki sebanyak 30 filem lucah dalam bentuk Digital Video Disc (DVD) dan 17 filem lucah dalam bentuk Video Compact Disc (VCD) pelbagai tajuk di atas meja pameran (seperti dilampiran). Dengan yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 5(1)(b) Akta Penapisan Filem 2002 dan boleh di hukum di bawah Seksyen 5(2) Akta yang sama.

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 28/12/2006 jam lebih kurang 9.15 malam di Kaunter Jualan VCD, depan 7 Eleven, No. 48, Jalan Sagu 48, Taman Daya, Johor Bahru, dalam Negeri Johor didapati mempamerkan sebanyak 152 filem dalam bentuk Video Compact Disc (VCD) dan 69 DVD pelbagai tajuk di atas meja pameran seperti dilampiran yang belum diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem di bawah Seksyen 6(1)(b) Akta Penapisan Filem 2002 dan dengan yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(b) Akta Penapisan Filem 2002 dan boleh di hukum di bawah Seksyen 6(2) Akta yang sama.

[2] Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut. Di akhir kes pihak pembelaan, Puan Majistret telah mendapati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh atas pertuduhan pertama. Bagi pertuduhan kedua, Puan Majistret mendapati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie atas pertuduhan yang asal, sebaliknya telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh atas satu kesalahan di bawah s 18(4)(a) Akta yang sama. Puan Majistret seterusnya telah mengemukakan satu pertuduhan pindaan yang berbunyi seperti berikut:

Pertuduhan pindaan

Bahawa kamu pada 28/12/2006 jam lebih kurang 9.15 malam di kaunter jualan VCD depan 7 Eleven, No. 48, Jalan Sagu 48, Taman Daya, Johor Bahru, dalam Negeri Johor didapati menjual sebanyak 152 filem dalam bentuk DVD dan 69 DVD pelbagai tajuk diatas meja pameran seperti lampiran yang tiada Perakuan B di bawah Seksyen 18(2) Akta Penapisan Filem 2002 dan dengan yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18(4)(a) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 18(5) Akta yang sama.

[3] Tertuduh mengaku tidak bersalah atas pertuduhan pindaan tersebut. Selepas mendengar kes pihak pembelaan, Puan Majistret telah memutuskan bahawa pihak pembelaan telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan atas pertuduhan pindaan. Tertuduh telah didapati bersalah dan atas sabitan dikenakan hukuman denda RM8,000 jika tidak bayar lapan bulan penjara bagi pertuduhan pindaan tersebut.

[4] Puan Majistret sebaliknya mendapati pihak pendakwaan gagal untuk membuktikan sehingga tanpa keraguan yang munasabah terhadap tertuduh bagi pertuduhan pertama. Oleh itu tertuduh telah dilepas dan dibebaskan atas pertuduhan pertama tersebut.

[5] Tertuduh sekarang merayu ke mahkamah ini terhadap sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Puan Majistret bagi pertuduhan pindaan. Pihak pendakwaan juga telah memfailkan rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan tertuduh atas pertuduhan yang pertama. Puan Majistret telah membenarkan hukuman denda yang dijatuhkan ke atas tertuduh digantung sehingga pendengaran rayuan tertuduh di sini. Kedua-dua rayuan tertuduh dan rayuan dari pihak pendakwaan telah didengar serentak atas persetujuan semua pihak.

[6] Setelah meneliti rekod rayuan dan mendengar hujahan pihak-pihak, saya menolak rayuan tertuduh dan mengekalkan sabitan dan hukuman ke atas tertuduh bagi pertuduhan pindaan. Saya juga menolak rayuan timbalan pendakwa raya terhadap perintah pelepasan dan pembebasan tertuduh atas pertuduhan pertama. Tertuduh sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap penolakan tersebut. Tiada rayuan lanjut oleh pihak pendakwaan terhadap penolakan rayuan oleh mereka. Oleh itu penghakiman ini hanya memberikan tumpuan terhadap pertuduhan pilihan sahaja.

[7] Perayu tertuduh telah menganjurkan enam alasan rayuan kenapa sabitan dan hukuman oleh Puan Majistret harus diketepikan. Alasan-alasan tersebut adalah seperti berikut:

(a) Puan Majistret telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan intipati 'menjual' telah dibuktikan;

(b) Puan Majistret telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan intipati 'filem' telah dibuktikan;

(c) Puan Majistret telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menyamakan 'menjalankan perniagaan' dengan 'menjual 152 VCD dan 69 DVD';

(d) Puan Majistret telah khilaf dari segi undang-undang apabila memutuskan kes dibuktikan melampaui keraguan munasabah;

(e) Puan Majistret telah mengambilkira keterangan yang tidak material dalam menentukan kesalahan tertuduh; dan

(f) Puan Majistret telah gagal mengambilkira dua elemen lagi dalam s 18(2) Akta Penapisan Filem 2002.

[8] Seksyen 18 Akta Penapisan Filem 2002 di bawah mana tertuduh telah disabit dan dihukum berbunyi seperti berikut:

18 Display of mark of approval, certificate and classification.

(1) The owner of a film approved by the Board for exhibition shall affix on the film the Board's mark of approval.

(2) There shall be displayed in the prescribed manner in respect of every film approved by the Board for exhibition —

(a) the certificate in respect of the film;

(b) the classification of the film; and

(c) the name and address of the person who exhibits, distributes, displays or sells, as the case may be, the film.

(3) The owner of a film who contravenes subsection

(1) commits an offence.

(4) Any person who —

(a) exhibits, distributes or sells a film in contravention of subsection (2); or

(b) displays in respect of a film a classification different from that given by the Board to the film, commits an offence.

(5) A person who is convicted of an offence under this section shall be liable to a fine of not less than five thousand ringgit and not more than thirty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or both.

[9] Elemen-elemen pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah bahawa perayu telah didapati menjual sebanyak 152 VCD dan 69 DVD pelbagai tajuk, 152 VCD dan 69 DVD tersebut mengandungi filem dan ketiganya bahawa 152 VCD dan 69 DVD tersebut tidak mempunyai sijil perakuan B. Sama ada kesemua elemen itu telah dibuktikan, kita perlu meneliti keterangan tiga orang saksi yang telah dipanggil oleh pihak pendakwaan. Saksi SP2 adalah saksi utama pihak pendakwaan. Dalam keterangannya beliau menyatakan telah pergi membuat pemerhatian dan serbuan bersama dengan dua orang lagi pegawai penguatkuasa dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Mereka membuat pemerhatian dan serbuan ke atas sebuah kaunter yang mempamerkan dan menjual DVD dan VCD yang terletak di hadapan kedai 7-Eleven di No 48, Jalan Sagu 48, Taman Daya, Johor Baru pada 28 Disember 2006 jam lebih kurang 9.15 malam. SP2 melihat seorang lelaki Cina yang kemudiannya dicamkan sebagai tertuduh duduk di atas satu kerusi di belakang

kaunter jualan DVD dan VCD tersebut. Tiada orang lain berada di belakang kaunter tersebut. SP2 telah menghampiri tertuduh dan memperkenalkan diri serta memberitahu tujuan kedatangan beliau untuk memeriksa semua filem-filem yang dipamerkan untuk jualan di atas meja di kaunter tersebut. SP2 menyatakan tertuduh terkejut dan merayu agar tidak diambil apa-apa tindakan terhadap beliau. Setelah diperiksa, SP2 mendapati terdapat sebanyak 152 VCD dan 69 DVD yang tidak mempunyai kelulusan dari Lembaga Penapisan Filem ('LPF') serta terdapat sebanyak 30 DVD dan 17 VCD lucah di atas kaunter jualan tersebut. Melalui 'cover' filem tersebut SP2 tahu bahawa filem-filem yang dirampas tersebut tidak mendapat kelulusan LPF. Keterangan SP2 disokong secara material oleh keterangan dari saksi SP1 yang turut serta dalam serbuan tersebut. SP1 mengesahkan kaunter jualan tersebut boleh diakses oleh orang ramai sementara kawasan di belakang kaunter itu dihalang laluan oleh kotak-kotak dan hanya tertuduh berada di kawasan bahagian belakang kaunter tersebut.

[10] Saksi SP3 adalah merupakan pegawai penyiasat kes. Keterangan material saksi ini adalah bahawa beliau telah menerima barang-barang kes 152 VCD (eksh P10) dan 69 DVD (eksh P11) daripada SP2. Saksi SP3 seterusnya menyatakan bahawa beliau telah membuat uji tayang ke atas kesemua filem tersebut dan telah menandakan kesemua barang kes selepas uji tayang tersebut dilakukan. SP3 telah mengecamkan kesemua barang kes tersebut di dalam mahkamah sebagai barang kes yang beliau terima daripada SP2 dan yang beliau telah lakukan uji tayang. SP3 juga menyatakan beliau mendapati kesemua barang kes P10 dan P11 tidak mempunyai kelulusan daripada LPF dan tiada sijil perakuan B. Melalui surat bertarikh 12 Februari 2007 (eksh P17), LPF mengesahkan bahawa kesemua barang kes P10 dan P11 tidak mempunyai kelulusan oleh LPF. SP3 mengesahkan bahawa melalui uji tayang yang beliau lakukan beliau mendapati kesemua barang kes mengandungi filem yang mengikut tajuk-tajuk yang dinyatakan pada VCD dan DVD tersebut.

[11] Setelah meneliti keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan seperti tersebut diatas, saya berpuashati bahawa Puan Majistret telah membuat keputusan yang betul bahawa terdapat satu kes prima facie dibuktikan bagi kesalahan di bawah s 18(4)(a) Akta. Tindakan Puan Majistret meminda pertuduhan asal kepada satu pertuduhan di bawah s 18(4)(a) Akta seperti di dalam pertuduhan pindaan adalah satu keputusan yang tepat dan betul. Tindakan tersebut adalah selaras dengan peruntukan di bawah s 158 Kanun Prosedur Jenayah yang memberikan kuasa kepada hakim bicara untuk meminda pertuduhan pada bila-bila masa sebelum keputusan akhir dibuat. Saya mendapati bahawa tiga elemen utama pertuduhan pindaan tersebut telah terbukti iaitu barang kes P10 dan P11 telah dipamerkan di kaunter untuk

dijual kepada orang ramai, kesemua barang kes tersebut mengandungi filem setelah diuji tayang dan kesemua barang kes itu tidak mempunyai sijil perakuan B. A

[12] Hujahan perayu bahawa elemen menjual tidak dibuktikan adalah tidak benar. Pemerhatian ke atas perayu telah dilakukan di mana beliau berada di belakang sebuah kaunter yang mana barang-barang kes berupa VCD dan DVD telah disusun dan diatur di atas kaunter tersebut. Hanya perayu seorang berada di belakang kaunter itu. Tempat tersebut adalah di hadapan kedai 7-Eleven di mana orang ramai ada akses. Kesemua barang kes dipamerkan dengan tiada apa-apa tujuan lain selain dipamerkan untuk jualan. Sama seperti gerai menjual buahan atau sayuran di pasar-pasar malam atau di mana sahaja. Kesemua barangan itu dipamerkan bukan untuk tujuan satu pameran tetapi adalah untuk menarik orang ramai untuk membeli barangan tersebut. Dalam hal ini mahkamah boleh mengunakan pendekatan lojik akal (common sense approach) serta membuat inferens daripada keadaan sesuatu kes itu (lihat kes *Public Prosecutor v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 3 MLJ 401; [2002] 8 CLJ 814 dan *Pendakwa Raya v Lukman bin Aswah* [2009] MLJU 145; [2009] 8 CLJ 267). Dalam keadaan fakta kes ini inferens yang boleh dibuat adalah bahawa barang kes tersebut disusun dan dipamerkan oleh perayu di situ adalah untuk tujuan dijual walaupun tiada keterangan terhadap transaksi jualan sebenar telah berlaku. Kes-kes yang dipegang oleh peguambela terpelajar pihak perayu adalah kesemuanya melibatkan kesalahan di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Kes-kes tersebut wajar dibezakan atas alasan bahawa kes-kes tersebut melibatkan aktiviti haram yang boleh membawa hukuman mati. Oleh itu ianya dilakukan secara sulit dan rahsia. Dalam situasi tersebut adalah penting untuk menentukan sama ada barangan tersebut telah dipindah milik kepada orang kedua. Tetapi di dalam kes di hadapan mahkamah sekarang tidak perlu dibuktikan jualan sebenar. Pada pandangan mahkamah ini bahawa mempamerkan barangan di tempat awam sudah mencukupi untuk membuktikan satu kesalahan di bawah s 18(4)(a) Akta oleh kerana perbuatan tersebut tergolong kepada perbuatan 'exhibits, distributes or sells'. Seperkara lagi yang perlu diberikan perhatian ialah tindakan perayu yang merayu dan meminta supaya SP2 tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap beliau. Fakta ini boleh dibuat inferens mengenai pengetahuan salah perayu serta nexus beliau dengan barang kes yang dirampas (lihat kes *Surentheran a/l Selvaraja v Public Prosecutor* [2006] 1 MLJ 641; [2005] 2 CLJ 264). B C D E F G H

[13] Perayu juga berhujah bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen filem. Hujahan ini tidak berasas. Saksi SP3 dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau telah membuat uji tayang terhadap kesemua barang kes tersebut dan beliau mendapati terdapat filem di dalam DVD dan VCD yang dirampas. SP3 menyatakan filem yang ditemui daripada uji tayang I

tersebut adalah filem yang sepertimana ditakrifkan di bawah s 3 Akta. SP3 dalam keterangannya menyatakan seterusnya bahawa beliau telah membuat penandaan pada setiap barang kes dan telah mengecamkan kesemua barang kes tersebut di dalam mahkamah. SP3 mengesahkan bahawa kesemua barang kes tiada kelulusan LPF dan tidak mempunyai sijil perakuan B. Perkara ini kemudiannya telah disahkan sendiri oleh LPF melalui surat mereka di eksh P17. Oleh itu dakwaan perayu Puan Majistret telah gagal menimbangkan dua elemen lain bawah s 18(2) Akta adalah tidak berasas.

[14] Hujahan perayu bahawa tiada keterangan mengaitkan perayu dengan aktiviti jualan barang kes juga tidak berasas. Faktor kedekatan perayu serta beliau seorang berada di belakang kaunter tersebut adalah cukup jelas menunjukkan barang kes tersebut berada di bawah kawalan dan jagaan perayu. Selain itu faktor yang lebih mengaitkan perayu dengan barang kes adalah tingkah laku perayu sendiri. Inferens boleh dibuat melalui tingkah laku perayu yang terkejut apabila SP2 memperkenalkan dirinya. Perayu juga telah merayu dan meminta supaya SP2 tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap beliau. Kesemua tingkah laku perayu menjurus kepada satu inferens terhadap kebersalahan beliau semata-mata.

[15] Pembelaan perayu hanya merupakan penafian kosong sahaja. Adalah undang-undang mantap bahawa penafian kosong bukanlah boleh menjadi satu pembelaan yang lengkap. Selain dari itu keterangan pembelaan diri perayu bercanggah-canggah. Perayu menyatakan beliau pada malam itu telah pergi ke 7-Eleven untuk membeli suratkhabar dan beliau telah duduk di hadapan kedai itu sambil membaca suratkhabar. Beberapa orang kemudian datang dengan memperkenalkan diri mereka lalu menahan beliau dengan mengatakan dia menjual VCD dan DVD haram. Perayu menafikan semua barang kes tersebut milik beliau. Versi perayu bercanggah dengan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. Fakta perayu sedang membaca suratkhabar tidak pernah diletakkan kepada mana-mana saksi pendakwaan. Ini satu pemikiran terkemudian dan rekaan perayu sahaja (lihat kes *Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya* [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154 dan *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138). Namun tugas mahkamah sebenarnya bukan untuk menentukan versi siapa yang benar pada peringkat ini. Tugas mahkamah sebenarnya adalah untuk memutuskan sama ada pembelaan perayu dapat menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan (lihat kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 dan *Mohamed Yatin bin Abu Bakar v Public Prosecutor* [1950] MLJ 57). Dalam kes ini Puan Majistret telah membuat tugasan dan keputusan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa pembelaan perayu tidak ada menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan pada akhir kes pembelaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang

munasabah. Oleh itu sabitan oleh Puan Majistret terhadap perayu atas pertuduhan pindaan adalah betul dan tidak wajar diganggu.

[16] Mengenai hukuman denda RM8,000 jika tidak bayar penjara lapan bulan yang dijatuhkan oleh Puan Majistret dalam kes ini adalah tidak eksesif. Perayu juga tidak mengemukakan sebarang hujahan mengenai hukuman yang dikenakan. Memandangkan hukuman minima yang diperuntukkan di bawah s 18(5) Akta adalah denda RM5,000 dan maksima denda RM30,000, maka hukuman yang dijatuhkan oleh Puan Majistret adalah mengikut undang-undang. Hukuman tersebut patut dan wajar dikekalkan.

[17] Atas alasan-alasan yang disebutkan di atas, saya menolak rayuan perayu dalam kes ini terhadap sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas beliau. Oleh itu keputusan Puan Majistret atas isu sabitan dan hukuman adalah dikekalkan.

Rayuan tertuduh ditolak.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum